



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**Bil. 53 / 2022**

**KEPUTUSAN**  
**PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15)**  
**BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.017**  
**PADANG SERAI DAN DEWAN NEGERI N.42**  
**TIOMAN, PAHANG**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa keputusan pengundian bagi **Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.017 Padang Serai** telah dimenangi oleh **Dato' Cikgu Azman** dari parti **Perikatan Nasional (PN)** dengan jumlah **51,637 undi** dan majoriti sebanyak **16,260 undi**.
2. Peratus pengundian bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.017 Padang Serai adalah sejumlah **68.95%** menjadikan keseluruhan peratusan pengundian bagi Dewan Rakyat setelah selesai urusan PRU Ke-15 sepenuhnya pada hari ini adalah **74.71%**.

3. Sehubungan itu, keputusan keseluruhan **PRU Ke-15** sehingga **7 Disember 2022 (Rabu)** adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>PARLIMEN</b>
1.	Pakatan Harapan (PH)	<b>76</b>
2.	Perikatan Nasional (PN)	<b>52</b>
3.	Barisan Nasional (BN)	<b>30</b>
4.	Gabungan Parti Sarawak (GPS)	<b>23</b>
5.	Parti Islam Se Malaysia (PAS)	<b>22</b>
6.	Parti Gabungan Rakyat Sabah (GRS)	<b>6</b>
7.	Democratic Action Party, Malaysia (DAP)	<b>5</b>
8.	Parti Warisan Sabah (WARISAN)	<b>3</b>
9.	BEBAS	<b>2</b>
10.	Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA)	<b>1</b>
11.	Parti Bangsa Malaysia (PBM)	<b>1</b>
12.	Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM)	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>222</b>

4. Manakala keputusan pengundian bagi **Bahagian Pilihan Raya Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang** telah dimenangi oleh **Dato' Sri Haji Mohd. Johari bin Haji Hussain** dari parti **Barisan Nasional (BN)** dengan jumlah **8,080 undi** dan majoriti sebanyak **573 undi**.
  
5. Peratus pengundian bagi **Bahagian Pilihan Raya Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang** adalah **58.39%**. Peratusan pengundian keseluruhan Dewan Negeri Pahang setelah selesai urusan pilihan raya adalah sejumlah **77.47%**.
  
6. Sehubungan itu, keputusan keseluruhan **PRU Ke-15 untuk 42 kerusi Dewan Negeri Pahang sehingga 7 Disember 2022 (Rabu)** adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>DEWAN NEGERI</b>
1.	Perikatan Nasional (PN)	<b>17</b>
2.	Barisan Nasional (BN)	<b>17</b>
3.	Pakatan Harapan (PH)	<b>8</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>42</b>

7. Untuk keterangan lanjut berkenaan keputusan PRU Ke-15, sila layari <https://dashboard.spr.gov.my/>.

Sekian, harap maklum.

**TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

7 Disember 2022 / 12 Jamadilawal 1444H